



SETIAUSAHA

Secretary

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Public Services Commission Malaysia

**ARAS 10, BLOK C7, KOMPLEKS C,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62520 PUTRAJAYA.**



Telefon : 03-8885 6000

Fax : 03-8888 5034

Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami: SPA(KT)217/3069 Jld.2 (10)

Tarikh: 21 Disember 2015

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-Ketua Jabatan/ Perkhidmatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN PERATURAN BERKENAAN PENGENDALIAN
LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI MAKSUD
PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM OLEH
KETUA JABATAN**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/
Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Kerajaan melalui **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013: Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam (PP 1/2013)** yang berkuat kuasa pada **12 Mac 2013** menetapkan panduan mengenai pelaksanaan pemeriksaan kesihatan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam. Keperluan pemeriksaan kesihatan ini adalah selaras dengan **Peraturan 20(1)(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]** yang telah menetapkan bahawa setiap calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa **perenggan 8, PP 1/2013** telah menetapkan antara **tanggungjawab Ketua Jabatan** dalam perkara ini adalah seperti berikut:

“PERKHIDMATAN AWAM UNTUK SEMUA”



- (a) Ketua Jabatan hendaklah memastikan laporan pemeriksaan kesihatan calon dibuat sebaik sahaja calon menerima tawaran pelantikan daripada Suruhanjaya dengan menggunakan borang pemeriksaan perubatan yang ditetapkan di **Lampiran A, PP 1/2013**; dan
- (b) Ketua Jabatan hendaklah memastikan calon **mengemukakan** laporan pemeriksaan kesihatan **semasa** melapor diri bertugas dan **tidak boleh** menerima calon bertugas sekiranya beliau **gagal** mengemukakan laporan pemeriksaan kesihatan tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan **Peraturan 23(2), P.U. (A) 1/2012** yang menetapkan bahawa **Ketua Jabatan tidak boleh menerima mana-mana calon yang melaporkan diri untuk bertugas jika calon belum mematuhi syarat pelantikan di bawah subperaturan 20(1), P.U. (A) 1/2012.**

4. Sekiranya laporan pemeriksaan kesihatan mendapati calon **mempunyai masalah kesihatan** dan Pegawai Perubatan mengesahkan calon adalah tidak sihat seperti berikut:

- (a) menghidap masalah kesihatan sama ada ringan (*mild*) atau sederhana (*moderate*) tetapi boleh dipertimbangkan untuk dilantik; atau
- (b) menghidap masalah kesihatan yang tidak terkawal (*severe*) dan tidak disokong untuk dilantik,

maka, bagi maksud perenggan 4(a), Ketua Jabatan hendaklah **menangguhkan** calon daripada melapor diri untuk Suruhanjaya ini mempertimbangkan semula sama ada mempersetujui tawaran pelantikan tersebut atau membatalkan tawaran pelantikan yang telah dibuat. Ia adalah selaras dengan **Peraturan 22, P.U. (A) 1/2012** dan **perenggan 9(iii), Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 3 Tahun 2014**. Di dalam hal ini, Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan dokumen pelantikan iaitu surat tawaran pelantikan, surat setuju terima tawaran pelantikan, akuan berkanun dan laporan pemeriksaan kesihatan secara manual kepada **Bahagian Perkhidmatan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia**. Calon hanya dibenarkan melapor diri setelah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya.

5. Manakala bagi maksud perenggan 4(b), Ketua Jabatan **tidak boleh menerima** calon tersebut melapor diri dan hendaklah **memaklumkan kepada Bahagian Pengambilan/ Pengambilan Khas, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia** bagi tujuan pembatalan surat tawaran dan mendapatkan calon simpanan.

6. Urusan melalui surat edaran ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya bagi tawaran pelantikan mulai **1 Januari 2016**.

7. Perhatian dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam memastikan perkara ini dilaksanakan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD)